



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
i

**KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT CINA DI TAIPING, PERAK
1900-1937**

ELAINE YONG SHU HAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
i



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT CINA DI TAIPING, PERAK
1900-1937

No. Matrik / Matric's No.: M00161000991

Saya / I : ELATINE YONG SHU HAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Elaine

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 28/12/2018

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kegiatan ekonomi masyarakat Cina sepanjang tempoh yang dikenali sebagai zaman kemerosotan Taiping, iaitu pada tahun 1900 hingga 1937. Kemerosotan aktiviti perlombongan membawa perubahan besar kepada corak ekonomi masyarakat Cina di Taiping kerana mereka terlibat secara aktif dalam industri perlombongan sejak abad ke-19. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dokumen, fail, laporan semasa pentadbiran British serta akhbar yang diterbitkan sepanjang tempoh kajian diteliti dengan tujuan untuk memahami dan menganalisis kegiatan ekonomi dan perubahan yang berlaku kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Taiping. Maklumat daripada sumber berkenaan memperlihatkan bahawa masyarakat Cina di Taiping melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai kegiatan ekonomi selain daripada aktiviti perlombongan seperti aktiviti perniagaan, pertanian, perikanan, penternakan dan perkhidmatan kerajaan. Walau bagaimanapun, industri perlombongan masih menjadi salah satu sumber pendapatan kepada masyarakat Cina walaupun kegiatan ekonomi tersebut mengalami kemerosotan pada awal abad ke-20. Ringkasnya, kemerosotan Taiping memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Taiping pada tahun 1900 hingga 1937. Pemahaman kepada perkembangan sejarah yang berlaku sepanjang tempoh kemerosotan ini memperlihatkan tindak balas masyarakat Cina terhadap krisis ekonomi dan kemelesetan ekonomi dunia yang memberi pengetahuan penting kepada generasi sekarang.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

ABSTRACT

This study aimed to analyze the Chinese economic activities during the period known as the slump era of Taiping from 1900 to 1937. The decline in mining activities brought a major change to the pattern of Chinese economy in Taiping as they were actively involved in the mining industry since the 19th century. The study is conducted based on qualitative methods. Documents, files, reports during the British administration as well as published newspaper within the period of this study in order to understand the changes that took place in the sphere of Chinese economic activities in Taiping. Information retrieved from the sources consulted suggest that the Chinese community in Taiping were actively involved in various economic activities other than mining activities such as business, agriculture, fisheries, livestock and government services. Yet, the mining industry remains as one of the sources of income to some. In summary, the economic slump had affected the economic activities of Chinese community in Taiping in 1900 to 1937. The understanding of the historical developments that took place during the period of the study showed the Chinese communities' response to the economic crisis and the recession in the world economy give important knowledge to the present generation.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PETA	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvii



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Permasalahan kajian	9
1.4 Objektif kajian	11
1.5 Kepentingan kajian	12
1.6 Skop kajian	13
1.7 Sorotan kajian lepas	13
1.8 Metodologi kajian	27
1.9 Pembahagian bab	28
1.10 Kesimpulan	29



**BAB 2 LATAR BELAKANG SOSIAL MASYARAKAT CINA DI TAIPING, 1900-1937**

2.1	Pengenalan	31
2.2	Latar belakang Perak	32
2.2.1	Latar belakang ekonomi Perak	33
2.2.2	Latar belakang masyarakat Cina di Perak	41
2.3	Latar belakang masyarakat Cina di Larut	43
2.4	Latar belakang masyarakat Cina di Taiping	53
2.5	Pendidikan	73
2.6	Kebudayaan	86
2.7	Keagamaan	95
2.8	Perkahwinan	106
2.9	Hubungan orang Cina dengan Tanah Besar China	109
2.10	Kesimpulan	110

**BAB 3 PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI TAIPING, 1900-1937**

3.1	Pengenalan	112
3.2	Perlombongan bijih timah di Taiping	113
3.3	Kesimpulan	135

BAB 4 PERNIAGAAN DI TAIPING, 1900-1937

4.1	Pengenalan	137
4.2	Perniagaan di Taiping	138
4.3	Kesimpulan	191



**BAB 5 PERTANIAN, PERIKANAN, PENTERNAKAN DAN PERKHIDMATAN KERAJAAN DI TAIPING, 1900-1937**

5.1	Pengenalan	193
5.2	Pertanian	194
5.3	Perikanan	216
5.4	Penternakan	218
5.5	Perkhidmatan kerajaan	221
5.6	Kesimpulan	229

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	Kesimpulan	231
-----	------------	-----

RUJUKAN 237**LAMPIRAN**



SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
2.1 Hasil, perbelanjaan, import, eksport, duti bijih timah dan hasil tanah di negeri Perak (1900-1937)	40
2.2 Penduduk Cina di negeri Perak (1901-1947)	41
2.3 Kumpulan dialek utama Cina di negeri Perak (1891-1931)	42
2.4 Populasi penduduk di Larut (1901-1931)	50
2.5 Kumpulan dialek Cina di Larut (1901-1911)	52
2.6 Kumpulan dialek Cina di Taiping (1911-1921)	52
2.7 Populasi penduduk Cina di Taiping (1891-1947)	61
2.8 Senarai pelajar yang mendapat Kelulusan Sijil Sekolah (Sijil Tambahan dalam Sejarah, Geografi dan Latin)	78
2.9 Bilangan kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun yang menerima pendidikan di Taiping pada tahun 1921	84
2.10 Peratusan penduduk Taiping yang boleh berbahasa Inggeris (1921)	85
2.11 Peratusan penduduk Taiping yang boleh berbahasa Inggeris mengikut kaum (1921)	85
3.1 Pengunjungan Gabenor Negeri-Negeri Selat ke Lombong dedah Towkay Ng Boo Bee di Kamunting pada 24 Julai 1904	128
3.2 Kaedah melombong di lombong dedah Cina pada tahun 1914	131
3.3 Perbandingan kaedah melombong, tenaga buruh, hasil dan perbelanjaan syarikat perlombongan Cina di Taiping	133





3.4	Senarai kerani berbangsa Cina di syarikat perlombongan pada tahun 1929	135
4.1	Hasil candu di negeri Perak (1900-1905)	141
4.2	Senarai peniaga getah Cina di Taiping pada tahun 1920	170
4.3	Senarai peniaga getah Cina di Taiping pada tahun 1931	171
4.4	Harga kepingan getah asap dan belum asap pada tahun 1934	173
4.5	Senarai peniaga getah Cina di Taiping pada tahun 1934	173
4.6	Peniaga getah Cina yang menerima amaran	177
4.7	Senarai kontraktor Cina menerima tender kerajaan	190
5.1	Senarai estet bersaiz besar di Taiping pada tahun 1912	204
5.2	Senarai estet Cina di Taiping	211
5.3	Pengambilan buruh Cina dalam estet Cina di Taiping	215
5.4	Senarai peniaga Cina mengimport dan menjalankan perniagaan babi	221
5.5	Senarai kerani berbangsa Cina dalam sektor awam pada tahun 1929	228





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kedudukan ekonomi di negeri Perak (1900-1937)	39
3.1 Purata harga bijih timah (1900-1937)	115



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
1.1 Kedudukan Taiping di dalam negeri Perak	3
1.2 Taiping	9



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1 Pengiktirafan akademik oleh kerajaan Tanah Besar China	65
2.2 Ancestor memorial tablet bagi “Jing Nü”	72
2.3 <i>Chinese paper cutting</i> (Chinese year of Rooster)	87
2.4 <i>Chinese paper cutting</i> “Fu” (福), “Lu” (祿), “Shou” (寿)	88
2.5 <i>Spring couplets for Chinese New Year</i>	89
2.6 Seni bina dalaman Datuk Gong So Ah Cheong	101
2.7 Altar Persatuan Shun Tak	103
2.8 Reka bentuk dalaman “Feng Shan Si”	105
2.9 Perkahwinan Lim Kin Chye dan Ooi Peng San di Pulau Pinang (1920-an) yang mengikut gaya Nyonya	108
2.10 Perkahwinan Lim Kin Chye dan Ooi Peng San di Pulau Pinang (1920-an) yang mengikut gaya Barat	108
2.11 Rumah kediaman Sun Yat Sen di Taiping	109
3.1 Lombong dedah Tauke Ng Boo Bee di Kamunting	126
4.1 Iklan perniagaan syarikat Hock Poh Hin & Co.	143
4.2 Iklan perniagaan syarikat Kim Seng & Co.	144
4.3 Iklan perniagaan syarikat Sin Chuan Hoe & Co.	145
4.4 Iklan perniagaan syarikat General United Store	145
4.5 Botol Poh Siew	146
4.6 Iklan perniagaan restoran Juan Tong	150





4.7	Iklan perniagaan restoran Yut Sun	151
4.8	Iklan perniagaan syarikat Kwong Bee Woh	152
4.9	Iklan perniagaan syarikat Lian Thong & Co.	153
4.10	Iklan perniagaan syarikat Man Lee Loong (Weng Kee)	160
4.11	Iklan perniagaan syarikat Poh Khong & Co.	161
4.12	Iklan perniagaan syarikat Chin Lam	161
4.13	Iklan perniagaan syarikat Chin Taik & Co.	162
4.14	Iklan perniagaan syarikat The Taipeng Trading Co.	163
4.15	Iklan perniagaan syarikat Khay Hoe & Co.	164
4.16	Iklan perniagaan syarikat Bean Hoe & Co.	165
4.17	Iklan perniagaan syarikat Hock Huat & Co.	166
4.18	Iklan perniagaan syarikat Sam Yik Chan	167
4.19	Iklan perniagaan Maxim's Dance Studio	167
4.20	Iklan perniagaan Yew Lian	178
4.21	Iklan perniagaan syarikat Soon Bee & Co.	179
4.22	Iklan perniagaan syarikat Hock Huan Hong	179
4.23	Iklan perniagaan syarikat Lian Thong & Co	180
4.24	Iklan perniagaan syarikat Chop Ban Seong	181
4.25	Iklan perniagaan Chong Chue	182
4.26	Iklan perniagaan Thye Wah Hotel	183
4.27	Iklan perniagaan farmasi Edinburgh	184
4.28	Iklan perniagaan syarikat Kong Pick Yok	186
4.29	Iklan perniagaan syarikat Chop Swee Chong	187
4.30	Iklan perniagaan syarikat Wah Kong Electric Co.	188
4.31	Fong Quee Chong (kontraktor)	189





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

4.32

Iklan perniagaan Choon Wah Photo Studio

191



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

No. Lampiran		Muka Surat
I	Jalan Temple	256
II	Peta Taiping 1928	257
III	Taiping 1870	258
IV	Taiping 1907	259
V	Pemandangan Bandar Taiping dari Udara	260
VI	The Centeral Police Station Perak	261
VII	Hospital Besar Taiping “Raja’s Ward” (Wad Diraja atau Wad VVIP)	262
VIII	Hospital Taiping	263
IX	Kota Road, Perak (Bandar Taiping)	264
X	Pasar Besar Taiping	265
XI	Bangunan Lama di Bandar Taiping	266
XII	Stesen Kereta Api Taiping	267
XIII	King Edward’s School, Taiping	268
XIV	Sekolah Menengah St. George’s Taiping	269
XV	Tokong Cina di Matang	270
XVI	Tokong Cina yang Tertua “Feng Shan Si“ di Taiping	271
XVII	Sampel soalan temu bual	272





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Perkembangan sejarah di Taiping pada awalnya adalah selari dengan aktiviti perlombongan bijih timah. Kekayaan sumber bijih timah menyebabkan Taiping yang asalnya merupakan sebuah kawasan yang diselimuti hutan dan terbiar pada zaman pemerintahan Sultan Perak pertama dibangunkan menjadi pusat pentadbiran,¹ pusat kegiatan intelektual² dan pusat perlombongan³ di negeri Perak pada abad ke-19.⁴ Seterusnya, Taiping mengalami perkembangan pesat pada penghujung abad ke-19

¹ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 110.

² *Ibid.* Hlm. 114.

³ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. Hlm. 10.

⁴ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 19.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



sehingga menjadi sebuah bandar kosmopolitan yang diduduki oleh pelbagai golongan masyarakat khususnya golongan elit daripada bangsa Eropah, Cina dan India kerana tertarik dengan peluang ekonominya. Selain itu, pentadbiran British juga mendorong kemajuan Taiping. Kemudahan seperti perkhidmatan kereta api, sistem pertahanan dan keselamatan, perubatan dan kesihatan diperkenalkan di bandar tersebut.⁵ Jelasnya, Taiping mengalami perkembangan pesat pada penghujung abad ke-19.

Namun demikian, kegembirangan yang dicapai tidak berkekalan kerana Taiping mengalami kemerosotan pada awal abad ke-20. Kekurangan pengeluaran bijih timah di Taiping dan penemuan sumber bijih timah yang lebih banyak di kawasan Kinta memaparkan kemerosotan Taiping dari aspek ekonomi.⁶ Kekayaan sumber bijih timah di Kinta juga menyebabkan daerah tersebut mengambil alih peranan Taiping sebagai pusat perlombongan bijih timah di negeri Perak. Koran itu, kedudukan Taiping sebagai ibu negeri Perak telah diambil alih oleh Ipoh pada tahun 1937.


Kemerosotan ekonomi di Taiping turut memberi kesan kepada masyarakat Cina di bandar tersebut kerana kebanyakan daripada mereka terlibat dalam aktiviti perlombongan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menganalisis sejauh mana kemerosotan tersebut memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina sepanjang tempoh kemerosotan Taiping, iaitu dari tahun 1900 hingga 1937.

⁵ *Ibid.* Hlm. 97-104.

⁶ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak.* Hlm. 10.



Peta 1.1: Kedudukan Taiping di dalam negeri Perak



Sumber: Khoo Kay Kim, *Taiping: Ibukota Perak*, 1981, Hlm. ix



1.2 Latar belakang kajian

Tanah Melayu khususnya negeri Perak merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan pelbagai sumber bahan mentah. Kekayaan sumber bahan mentah di negeri tersebut menyebabkan satu demi satu kawasan dibuka dan terus berkembang maju. Keadaan yang sama juga berlaku di Taiping. Kekayaan sumber bijih timah menyebabkan Taiping yang asalnya merupakan sebuah kawasan yang mundur dan terbiar dibangunkan menjadi pusat pentadbiran,⁷ pusat kegiatan intelektual⁸ dan pusat perlombongan⁹ di negeri Perak.¹⁰ Hal ini juga menggambarkan bahawa aktiviti perlombongan bijih timah mengalami perkembangan yang pesat pada abad ke-19. Aktiviti perlombongan bijih timah di Larut pada awalnya adalah diusahakan oleh orang Melayu. Perkara ini dikatakan demikian kerana Long Jaafar merupakan orang yang

pertama menemui sumber bijih timah di Larut. Lantaran itu, beliau telah membuka lombong di Larut dan mengerjakannya sendiri buat sementara waktu. Setelah mengumpul modal yang mencukupi, beliau telah mengupah orang Cina dari Pulau Pinang ke Larut untuk melancarkan urusan perlombongan.¹¹ Ngah Ibrahim, iaitu anak kepada Long Jaafar kemudiannya meneruskan usaha menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah yang dirintis oleh ayahandanya terdahulu. Kejayaan Long Jaafar dan Ngah Ibrahim memajukan aktiviti perlombongan di Larut menyebabkan daerah tersebut semakin terkenal dengan aktiviti perlombongan.¹² Selain itu,

⁷ Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 110.

⁸ *Ibid.* Hlm. 114.

⁹ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota*. Hlm. 10.

¹⁰ Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 19.

¹¹ Khoo Kay Kim. 1992. Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping. *Malaysia dari segi Sejarah*. 20. Hlm. 49.

¹² Kota Long Jaafar, Perak. Diperolehi daripada <http://www.arkib.gov.my/web/guest/kota-long-jaafar-perak-pada-September-8,-2018>.





pentadbiran British juga menyumbang kepada perkembangan bandar tersebut terutamanya dari aspek proses perbandaran:

“Taiping, with its rapid expansion in the early eighties, became the administrative capital of the State and the home of the Resident. Various government office, police barracks (which, incidentally also supplied an efficient fire brigade for the town), hospitals, courts of justice and commodious residences for its officers were built.”¹³

Kedudukan Taiping sebagai pusat perlombongan bijih timah mempunyai kaitan rapat dengan pelombong Cina. Hal ini kerana mereka merupakan tenaga buruh yang berperanan penting dalam aktiviti pengeluaran bijih timah. Penemuan sumber bijih timah di Taiping menyebabkan orang Cina mula dibawa masuk dari Pulau Pinang pada tahun 1840-an untuk mengerjakan aktiviti perlombongan bijih timah.¹⁴ Sementara itu, Lee Eng Kew berpendapat bahawa terdapat juga orang Cina dari Phuket¹⁵ dan Singapura¹⁶ yang berhijrah ke Taiping pada abad ke-19 untuk mencari rezeki.

Perkembangan ekonomi di Taiping membawa kepada berlakunya penghijrahan masyarakat Cina secara berterusan untuk merebut peluang ekonomi di bandar tersebut. Namun begitu, keadaan sedemikian tidak bermakna bahawa masyarakat Cina tidak pernah mengunjungi Taiping sebelum abad ke-19. Mohd Zamberi A. Malek menunjukkan bahawa masyarakat Cina telah pun berada di daerah Larut sejak tahun 1795 tetapi tidak menetap lama.¹⁷ Hal ini adalah sejajar dengan matlamat penglibatan

¹³ U. Ravinder Singh. 2008. *King Edward VII Taiping: The First Century 1883-1983: A Pictorial History*. Kuala Lumpur: Old Edwardian Association. Hlm. 21.

¹⁴ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 45.

¹⁵ Lee Eng Kew. 2003. *The Chinese Historical Figures of Taiping*. Penang: Nanyang Mingjian Wenhua. Hlm. 23.

¹⁶ *Ibid.* Hlm. 27.

¹⁷ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 45.





masyarakat Cina dalam aktiviti penghijrahan, iaitu mengumpul kekayaan dan kembali ke tanah airnya.¹⁸

Penghijrahan masyarakat Cina ke Taiping membawa kepada berlakunya perubahan dari segi aktiviti pengeluaran bijih timah kerana teknik melombong baru diperkenalkan. Menurut Suzana Mohd Hanifa, teknik melombong yang digunakan oleh orang Cina adalah lebih sistematik berbanding teknik orang Melayu.¹⁹ Secara amnya, teknik melombong orang Cina dapat dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu cari gali, mengepam air, proses pembasuhan dan peleburan.²⁰ Usaha pelombong Cina dalam memperkenalkan peralatan baru seperti cangkul dan raga serta mengubah suai teknik yang digunakan oleh orang Melayu²¹ seperti teknik mengumbei, meraga batu atau melangga parit, batu kacau, palung dan panchur²² membolehkan aktiviti perlombongan bijih timah di Taiping berjalan dengan lebih lancar. Oleh itu, peranan dan sumbangannya orang Cina dalam memajukan ekonomi dan menjadikan Taiping sebagai pusat perlombongan bijih timah memang tidak boleh dinafikan.

Namun demikian, industri perlombongan di Taiping mengalami kemerosotan setelah berlakunya pengurangan pengeluaran bijih timah pada tahun 1890-an. Keadaan industri tersebut menjadi semakin merosot apabila berlakunya ketidakstabilan harga dan pasaran bijih timah. Meskipun demikian, masih terdapat masyarakat Cina yang terlibat dalam industri perlombongan kerana peluang ekonomi masih ditawarkan.

¹⁸ John Gullick dan Bruce Gale. 1986. *Malaysia: Its Political and Economic Development*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd. Hlm. 54.

¹⁹ Suzana Mohd Hanifa. 1995/1996. Kesan Industri Bijih Timah terhadap Perkembangan Bandar Taiping 1870-1900. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya. Hlm. 35.

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.* Hlm. 38.

²² *Ibid.* Hlm. 32.





Syarikat perlombongan Ng Boo Bee yang dikenali sebagai *Kamunting Mine* merupakan sebuah syarikat perlombongan Cina yang terkemuka di Taiping dan masih beroperasi pada awal abad ke-20.²³ Sementara itu, terdapat juga orang Cina dari Tanah Besar China,²⁴ Pulau Pinang,²⁵ Negeri Sembilan,²⁶ Sungai Siput (U)²⁷ dan Perak (Lenggong)²⁸ yang berhijrah ke Taiping untuk mencari rezeki. Justeru, Taiping masih mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Cina walaupun bandar tersebut mengalami kemerosotan dari aspek ekonomi.

Jelasnya, kemerosotan Taiping tidak menjadikan bandar tersebut sebagai sebuah bandar yang dipinggirkan. Kajian Khoo Kay Kim contohnya menunjukkan bahawa kemerosotan Taiping terhad kepada beberapa bidang sahaja.²⁹ Hal ini demikian kerana aktiviti pengeluaran bijih timah masih diteruskan sehingga 1930-an walaupun

wujudnya kekurangan pengeluaran bijih timah di Taiping.³⁰ Namun, terdapat beberapa kesan daripada perubahan tersebut. Antara perubahan yang berlaku ialah Taiping tidak lagi dikenali sebagai pusat perlombongan kerana diambil alih oleh Ipoh.³¹ Sementara itu, perusahaan getah diperkenalkan di Taiping juga membawa perubahan kepada bandar tersebut.³² Pada awal abad ke-20, pegawai kerajaan yang terkanan di Perak kesemuanya berada di Taiping dan kemunculan ladang-ladang getah telah menambahkan jumlah orang Barat di Taiping atau sekurang-kurangnya peladang

²³ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*. Hlm. 10.

²⁴ Lee Eng Kew. 2003. *The Chinese Historical...* Hlm. 41.

²⁵ *Ibid.* Hlm. 43.

²⁶ *Ibid.* Hlm. 156.

²⁷ *Ibid.* Hlm. 159.

²⁸ *Ibid.* Hlm. 64.

²⁹ Khoo Kay Kim. 1991. Taiping (Larut): The early history of a mining settlement. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 64 (1 (260)). Diperolehi daripada <http://www.jstor.org/stable/41493171> pada Oktober 9, 2016. Hlm. 30.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*. Hlm. 10.





Eropah yang bergantung kepada Taiping untuk bekalan keperluan dan kegiatan sosial mereka.”³³

Dari aspek lain, kemerosotan Taiping tetap meninggalkan kesan kepada masyarakat Cina di bandar tersebut. Contohnya, kehilangan kedudukan sebagai pusat perlombongan bijih timah memberi kesan secara langsung kepada masyarakat tersebut kerana mereka melibatkan diri secara aktif dalam industri perlombongan sejak abad ke-19.³⁴ Buktinya, terdapat orang Cina di Taiping yang membuat keputusan untuk berhijrah ke Kinta yang kaya dengan sumber bijih timah demi menjaga kepentingan ekonomi mereka. Sementara itu, terdapat juga pelombong Cina yang menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi lain seperti aktiviti pertanian untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Justeru, kemerosotan industri perlombongan memberi kesan kepada




Ringkasnya, Taiping mengalami perubahan besar pada awal abad ke-20 akibat kemerosotan aktiviti perlombongan bijih timah. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menganalisis sejauh mana kemerosotan tersebut memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina sepanjang tempoh 1900 hingga 1937.

³³ *Ibid.* Hlm. 11.

³⁴ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 45-46.



Peta 1.2: Taiping



Sumber: *A Report on the 1947 Census of Population*, Hlm. 614

1.3 Permasalahan kajian

Ekonomi di Taiping pada penghujung abad ke 19 adalah berpusat kepada aktiviti perlombongan bijih timah. Walau bagaimanapun, bandar tersebut mengalami kemerosotan apabila berlakunya penurunan pengeluaran bijih timah pada tahun 1895.³⁵

³⁵Khoo Kay Kim. 1991. *Taiping (Larut): The Early History...* Hlm. 27.



Industri perlombongan di Taiping semakin merosot akibat ketidakstabilan harga dan pasaran bijih timah serta kemelesetan ekonomi pada awal abad ke-20. Hal ini memberi kesan mendalam kepada masyarakat Cina di bandar tersebut kerana kebanyakan mereka terlibat dalam kegiatan ekonomi yang berkait dengan bijih timah. Justeru, masyarakat Cina menghadapi dilema untuk meneruskan penglibatan mereka dalam industri perlombongan atau menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi lain kerana aktiviti perlombongan dianggap sebagai kegiatan ekonomi yang tidak lagi menguntungkan. Sementara itu, terdapat juga pelombong Cina yang membuat keputusan untuk berhijrah ke Kinta yang kaya dengan sumber bijih timah.³⁶ Penghijrahan orang Cina secara besar-besaran ke Kinta menyebabkan daerah tersebut mengalami perkembangan yang pesat.³⁷ Pada tahun 1890, Kinta muncul sebagai daerah pengeluar bijih timah utama bukan kepada negeri Perak sahaja tetapi seluruh Negeri-



Negeri Melayu.³⁸ Jelasnya, masyarakat Cina di Taiping melalui tempoh kesukaran kerana kelembapan yang berlaku dalam sektor perlombongan bijih timah sepanjang tempoh kajian ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis kesan daripada perkembangan yang berlaku kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina yang masih memilih untuk menetap di Taiping. Hal ini kerana masyarakat Cina yang membuat keputusan untuk kekal di Taiping perlu meneruskan kelangsungan hidup mereka. Jelaslah di sini bahawa kemerosotan industri perlombongan menyebabkan masyarakat Cina di bandar tersebut mula mengalihkan perhatian mereka kepada kegiatan ekonomi lain demi menjaga kelangsungan hidup dan kestabilan ekonomi mereka. Sehubungan

³⁶ Khoo Kay Kim. 1992. Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk... Hlm. 53.

³⁷ Nordin Hussin. 1992. Larut, Matang dan Selama: Suatu Sorotan Sejarah. *Malaysia dari segi Sejarah*. 20. Hlm. 37.

³⁸ Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md. Jahi, Abdul Samad Hadi dan Khairi Ariffin. 2011. Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*. 29 (2). Hlm. 155.





itu, kajian menganalisis kedinamikan ekonomi dalam kalangan masyarakat Cina di Taiping sepanjang tempoh kajian. Pemahaman mendalam kepada perkembangan yang berlaku sepanjang tempoh tersebut akan memberikan gambaran kepada satu sisi baru dalam perkembangan ekonomi di Taiping yang seringkali dikaitkan dengan bijih timah sahaja.

1.4 Objektif kajian

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menganalisis kesan kemerosotan ekonomi di Taiping, Perak terhadap kegiatan ekonomi masyarakat Cina pada tahun 1900 hingga 1937. Objektif penyelidikan merangkumi empat aspek, iaitu:



- i. Mengkaji latar belakang sosial masyarakat Cina di Taiping, Perak dari tahun 1900 hingga 1937.
- ii. Membincangkan penglibatan masyarakat Cina dalam industri perlombongan di Taiping, Perak dari tahun 1900 hingga 1937.
- iii. Menilai perniagaan Cina di Taiping, Perak dari tahun 1900 hingga 1937.
- iv. Menganalisis penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perkhidmatan kerajaan di Taiping, Perak dari tahun 1900 hingga 1937.





1.5 Kepentingan kajian

Kajian seperti *Taiping: Ibukota Perak*,³⁹ *Larut Daerah Terkaya*⁴⁰ dan *Taiping (Larut)*:

*The Early History of a Mining Settlement*⁴¹ membincangkan sejarah perkembangan di Larut dengan memberi tumpuan kepada peristiwa yang berlaku pada abad ke-19. Semua kajian tersebut menunjukkan bahawa perkembangan aktiviti perlombongan yang pesat menyebabkan ramai orang Cina dibawa masuk dari Pulau Pinang untuk mengerjakan lombong di Larut. Penghijrahan orang Cina secara berterusan kemudiannya mengundang kekacauan di daerah tersebut kerana mereka terlibat secara aktif dalam kegiatan kongsi gelap. Keadaan sedemikian membawa kepada tercetusnya Perang Larut yang memberi peluang kepada British untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri-negeri Melayu. Termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun

1874 menyebabkan Kelian Pauh ditukar nama kepada Taiping dan bandar tersebut

secara rasminya terletak di bawah pentadbiran British. Seterusnya, Taiping mengalami perkembangan yang pesat kerana berfungsi sebagai pusat perlombongan dan pusat pentadbiran British di negeri Perak. Sementara itu, ketiga-tiga buah kajian tersebut juga menyentuh sedikit tentang kemerosotan ekonomi di Taiping yang berpunca daripada penurunan pengeluaran bijih timah pada tahun 1890-an. Hal ini memberi kesan kepada para pelombong Cina di Taiping kerana terdapat orang Hakka yang berhijrah ke Kinta untuk menerokaikekayaan sumber bijih timah di daerah tersebut.⁴² Jelasnya, semua kajian tersebut tidak memberi perbincangan secara mendalam mengenai kegiatan ekonomi masyarakat Cina setelah berlakunya kemerosotan industri perlombongan.

³⁹ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*.

⁴⁰ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*.

⁴¹ Khoo Kay Kim. 1991. *Taiping (Larut): The Early History...*

⁴² Oiu Yao Yang (Producer). 2004. Ah Kew the Digger. Diperolehi daripada <https://www.youtube.com/watch?v=jtwRJl-cyI> pada November 6, 2016.





Justeru, kajian ini ingin menganalisis sejauh mana kemerosotan aktiviti perlombongan memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Taiping pada tahun 1900-1937.

1.6 Skop kajian

Skop kajian dalam penyelidikan ini adalah meliputi jangka masa selama 38 tahun, iaitu bermula dari tahun 1900 hingga 1937. Tempoh tersebut dikenali sebagai zaman kemerosotan Taiping kerana bandar tersebut mengalami kemerosotan aktiviti perlombongan bijih timah. Kekurangan pengeluaran bijih timah di Taiping dan penemuan sumber bijih timah yang banyak di kawasan Kinta menyebabkan bandar

tersebut bukan lagi dikenali sebagai pusat perlombongan pada awal abad ke-20.⁴³ ptbupsi

Ekoran itu, kedudukan Taiping sebagai ibu negeri Perak telah digantikan oleh Ipoh pada tahun 1937. Tujuan pemilihan tempoh masa ini adalah untuk menganalisis sejauh mana kemerosotan ekonomi di Taiping memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina di bandar tersebut.

1.7 Sorotan kajian lepas

Tanah Melayu khususnya negeri Perak merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan pelbagai sumber bahan mentah. Abdullah Musa Lubis dalam *Sejarah Perak: Dahulu*

⁴³ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*. Hlm. 10.





dan Sekarang memberi penerangan secara terperinci mengenai perkembangan negeri Perak yang bermula daripada sejarah awal penubuhan Kerajaan Kesultanan Perak sehingga pentadbiran British dan Jepun di negeri tersebut.⁴⁴ Kajian tersebut menegaskan bahawa perkembangan industri perlombongan bijih timah di negeri Perak pada abad ke-18 menjadikan negeri tersebut sebagai tumpuan bagi para saudagar dari Gugusan Kepulauan Melayu, Ceylon, India, China dan Kemboja.⁴⁵ Sementara itu, Gerald Hawkins dalam *Malaya* juga memberi penjelasan secara umum mengenai negeri Perak. Kajian tersebut menggambarkan bahawa negeri Perak merupakan sebuah kawasan yang utama dan negeri yang stabil di Tanah Melayu kerana kaya dengan pelbagai sumber alam semula jadi dan amat sesuai untuk menjalankan aktiviti pertanian. Lantaran itu, perkembangan industri perlombongan bijih timah dan perusahaan getah di negeri Perak menjadikannya sebagai negeri pertama yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis sementara negeri-negeri Melayu yang lain masih mengamalkan sistem ekonomi sara diri.⁴⁶ Oleh itu, kekayaan sumber bijih timah dan pengenalan perusahaan getah di negeri Perak menjadi asas perkembangan kepada negeri tersebut.

Seterusnya, perkembangan ekonomi di negeri Perak juga membawa kepada berlakunya penghijrahan orang Cina ke negeri tersebut. Lin Her Sheng dalam *The Study of Malaysian Chinese Transition* menyimpulkan bahawa aktiviti penghijrahan orang Cina dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu *the trader pattern*, *the coolie pattern*, *the sojourner pattern* dan *the descent or re-migrant pattern*.⁴⁷ Seterusnya, J. Kennedy

⁴⁴ Abdullah Musa Lubis. 1976. *Sejarah Perak: Dahulu dan Sekarang*. Singapura: Qalam. Hlm. 25.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Gerald Hawkins. 1952. *Malaya*. Singapore: Singapore National Printers (Pte) Ltd. Hlm. 85-86.

⁴⁷ Lin Her Sheng. 2001. The Changing Role of Ethnic Chinese in Malaysia. (Tesis Ijazah Sarjana). Sun Yat-sen University. Diperolehi daripada http://etd.lib.nsysu.edu.tw/ETD-db/ETD-search/view_etd?URN=etd-0814101-153850 pada Oktober 13, 2016. Hlm. 17.





dalam *A History of Malaya A.D. 1400-1959* menjelaskan bahawa perkembangan industri perlombongan di Tanah Melayu sejak 1820-an menyebabkan ramai orang Cina dibawa masuk untuk ditempatkan di tapak perlombongan seperti Perak, Sungai Ujong dan Selangor.⁴⁸ Voon Phin Keong dalam *Adaptaion of Chinese Immigrants to the Economic Environment with Reference to Hakkas in Malaysia* pula berpendapat bahawa perkembangan ekonomi terutamanya dalam industri perlombongan dan perusahaan getah di Tanah Melayu menyebabkan aktiviti penghijrahan orang Cina menjadi semakin rancak pada pertengahan abad ke-19 sehingga awal abad ke-20.⁴⁹ Jelasnya, perkembangan ekonomi di Tanah Melayu khususnya negeri Perak membawa kepada berlakunya penghijrahan orang Cina secara besar-besaran untuk memenuhi keperluan tenaga buruh di tapak perlombongan atau menceburkan diri dalam perusahaan getah.



Huang Ming Lu,⁵⁰ Yan Xing dan Zhang Zuo Mei⁵¹ masing-masing bersetuju bahawa ketidakstabilan politik dan ekonomi pada zaman pemerintahan Dinasti Qing (1644-1912) menjadi faktor utama penglibatan orang Cina dalam aktiviti penghijrahan khususnya pada abad ke-19. Manakala Lin Her Sheng pula menunjukkan bahawa jumlah orang Cina yang berhijrah ke Malaysia meningkat secara mendadak pada abad ke-19.⁵² Masyarakat ini banyak menyumbang kepada proses pembukaan dan perkembangan ekonomi tempatan.⁵³ Oleh itu, ketidakstabilan di Tanah Besar China

⁴⁸ J. Kennedy. 1965. *A History of Malaya A.D. 1400-1959*. Kuala Lumpur: Macmillan & Co Ltd. Hlm. 124.

⁴⁹ Voon Phin Keong. 2007. *Adaptaion of Chinese Immigrants to the Economic Environment with Reference to Hakkas in Malaysia*. *Journal of Malaysian Chinese Studies*. 10. Hlm. 22.

⁵⁰ Huang Ming Lu. 1987. *The Reasons of Chinese Moved to Southeast Asia and Their Contributions*. 东南亚. 3.

⁵¹ Yan Xing dan Zhang Zuo Mei. 2002. Vietnamese Citizens of Chinese Origin: History and Contributions. *Journal of Wenshan Teacher College*. 1.

⁵² Lin Her Sheng. 2001. *The Changing Role...* Hlm. 17.

⁵³ Voon Phin Keong. 2007. *Adaptaion of Chinese Immigrants...* Hlm. 21.





menyebabkan ramai orang Cina berhijrah ke Tanah Melayu khususnya negeri Perak pada abad ke-19. Meskipun demikian, keadaan ini tidak bermakna bahawa orang Cina tidak pernah mengunjungi Tanah Melayu sebelum ini. Kajian J. Kennedy,⁵⁴ Victor Purcell,⁵⁵ dan Mohd Zamberi A. Malek⁵⁶ menunjukkan bahawa orang Cina telah berada di Tanah Melayu khususnya Negeri-Negeri Selat sebelum abad ke-19. Namun demikian, jumlah orang Cina di Negeri-Negeri Selat adalah kecil dan mereka tidak menetap lama di kawasan tersebut.⁵⁷ Kejadian ini adalah seajar dengan matlamat penglibatan orang Cina dalam aktiviti penghijrahan, iaitu mengumpulkan kekayaan dan kemudiannya kembali ke tanah airnya.⁵⁸

Victor Purcell dalam *The Chinese in Modern Malaya* pula memberi penerangan secara terperinci mengenai orang Cina di Tanah Melayu.⁵⁹ Kajian tersebut menegaskan

bahawa ramai orang Cina dibawa masuk pada abad ke-19 untuk ditempatkan di tapak perlombongan khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.⁶⁰ Malah, keadaan sedemikian tidak bermakna bahawa semua orang Cina yang dibawa masuk hanya terlibat dalam industri perlombongan. Orang Cina di kawasan tersebut juga terlibat dalam aktiviti pertukangan, perdagangan dan pertanian.⁶¹ Selain itu, kemasukan orang Cina ke Negeri-Negeri Selat menyebabkan pengaruh kongsi gelap dari Tanah Besar China (*Thian Ti Hui* atau *Heaven and Earth League*) dibawa masuk ke kawasan

⁵⁴ J. Kennedy. 1965. *A History of Malaya...*

⁵⁵ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern Malaya*. Singapore: Donald Moore.

⁵⁶ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*.

⁵⁷ J. Kennedy. 1965. *A history of Malaya...* Hlm. 124; Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...* Hlm. 1; Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Hlm. 45.

⁵⁸ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...* Hlm. 1; John Gullick dan Bruce Gale. 1986. *Malaysia: Its Political...* Hlm. 54.

⁵⁹ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...*

⁶⁰ *Ibid.* Hlm. 8-9.

⁶¹ *Ibid.* Hlm. 3.





tersebut.⁶² Penghijrahan orang Cina dari Pulau Pinang ke Larut pada pertengahan abad ke-19 untuk bekerja di lombong bijih timah di Taiping turut menyebabkan pengaruh kongsi gelap dibawa masuk ke daerah tersebut.⁶³ Tambahan pula, Victor Purcell juga menegaskan bahawa jumlah orang Cina yang membanjiri tapak perlombongan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu merupakan kesan daripada polisi Barat.⁶⁴ Kebanyakan orang Cina yang dibawa masuk ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah terdiri daripada golongan lelaki. Golongan wanita Cina pula ditafsir sebagai golongan minoriti kerana kajian tersebut menunjukkan bahawa nisbah antara wanita Cina dengan lelaki Cina pada tahun 1901 adalah 10:1000.⁶⁵ Pada tahun 1920-an, golongan wanita Cina (Hainan) baru dibenarkan untuk mengikuti suami atau saudaranya memasuki kawasan “Nanyang”.⁶⁶ Qing Yun Feng dan Gao Wei Nong juga berpendapat bahawa nisbah antara lelaki Cina dengan wanita Cina menjadi semakin seimbang mulai tahun 1920-an kerana wujudnya seorang wanita Cina daripada setiap lima orang lelaki Cina.⁶⁷

Seterusnya, Mohd Zamberi A. Malek dalam *Larut Daerah Terkaya* pula membincangkan sejarah perkembangan Larut yang bermula daripada sejarah awal Larut, penglibatan kongsi gelap Cina dan pemerintah Melayu tempatan dalam kekacauan di Larut sehingga membawa kepada berlakunya perubahan sosiopolitik akibat pemerintahan British di kawasan tersebut.⁶⁸ Kajian tersebut menunjukkan bahawa orang Cina telah mengunjungi Larut sejak tahun 1795 lagi tetapi mereka tidak

⁶² *Ibid.* Hlm. 5.

⁶³ *Ibid.* Hlm. 7.

⁶⁴ *Ibid.* Hlm. 8-9.

⁶⁵ *Ibid.* Hlm. 15.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Qing Yun Feng dan Gao Wei Nong. 1988. Chinese Women Immigrants to Malaya in the 19th and 20th Centuries. *民族译丛*. 1. Hlm. 8.

⁶⁸ Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*.





menetap lama di kawasan tersebut.⁶⁹ Keadaan di Larut mula berubah pada pertengahan abad ke-19 akibat perkembangan industri perlombongan yang membawa kepada peningkatan jumlah orang Cina di daerah tersebut. Mohd Zamberi A. Malek menjelaskan bahawa jumlah orang Cina meningkat secara berterusan khususnya pada zaman pemerintahan Ngah Ibrahim, iaitu daripada 5000 orang pelombong Cina pada tahun 1850-an meningkat kepada 35000 hingga 40000 orang pada tahun 1870-an.⁷⁰ Keadaan sedemikian bukan sahaja menggambarkan perkembangan ekonomi di Larut malah turut mengundang ketidakstabilan di daerah tersebut akibat penglibatan masyarakat Cina secara aktif dalam kegiatan kongsi gelap. Keadaan di Larut menjadi semakin runcing apabila pemerintah Melayu turut melibatkan diri dalam konflik kongsi gelap Cina tersebut. Masalah yang berlarutan ini akhirnya membawa kepada campur tangan British untuk mengembalikan keamanan di Larut.⁷¹ Pendapat ini juga disokong



oleh Khoo Kay Kim,⁷² Nik Anuar Nik Mahmud⁷³ dan Victor Purcell⁷⁴ yang menunjukkan bahawa kekacauan di Larut memberi peluang kepada pihak British untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran di negeri Perak.

Qiu Ge Ping dalam *The Inquisition on the Social Constituent of the Secret Societies Organized by Chinese in Singapore and Malaysia* memberi penjelasan secara mendalam mengenai kegiatan kongsi gelap Cina di Asia Tenggara.⁷⁵ Penulis mengatakan bahawa ketidakstabilan Tanah Besar China pada penghujung abad ke-18

⁶⁹ *Ibid.* Hlm. 45.

⁷⁰ *Ibid.* Hlm. 45-46.

⁷¹ *Ibid.* Hlm. 45-70.

⁷² Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*.

⁷³ Nik Anuar Nik Mahmud. 1990. Perang Larut. Seminar Sejarah: Larut, Matang dan Selama ke arah “Taiping Bandar Bersejarah”. 19th-20th November 1990. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sejarah.

⁷⁴ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...*

⁷⁵ Qiu Ge Ping. 2003. An Analysis of the Social Role of the Chinese Secret Society in Southeast Asia. *Historical Archives*. 4.





dan awal abad ke-19 akibat bencana alam yang kerap berlaku menyebabkan ramai orang Cina khususnya dari Guangdong dan Fujian membuat keputusan meninggalkan tanah airnya dan berhijrah ke Asia Tenggara untuk mencari rezeki hidup.⁷⁶ Kebanyakan mereka telah membentuk kongsi gelap bagi menyatukan, menjaga keselamatan dan menjamin kemajuan orang Cina di rantau Asia Tenggara.⁷⁷ Contohnya, kongsi gelap Ghee Hin telah ditubuhkan dan dianggotai oleh orang Cina yang terdiri daripada kumpulan dialek yang berlainan seperti Kantonis, Hakka, Hokkien, Hainan, Teochew dan sebagainya untuk menjamin kebajikan orang Cina yang baru meninggalkan tanah airnya di samping untuk menjaga kebajikan mereka supaya tidak dibuli dan dieksplorasi oleh mana-mana pihak.⁷⁸ Oleh itu, kongsi gelap Ghee Hin yang ditubuhkan adalah untuk menjaga kepentingan bersama. Keadaan sedemikian mula berubah apabila jumlah orang Cina di Asia Tenggara semakin meningkat. “Semangat kewilayahannya” mula ditekankan dalam kalangan orang Cina di kawasan tersebut.

Keadaan sedemikian membawa kepada berlakunya perpecahan dalam kongsi gelap Ghee Hin dan setiap kongsi gelap yang ditubuhkan mengikut kumpulan dialek mula bersaing antara satu sama lain untuk menjaga kepentingan masing-masing.⁷⁹ Perpecahan dalam kongsi gelap tersebut juga menyebabkan hubungan antara orang Cina dalam kongsi gelap yang berbeza menjadi semakin tegang. Perkara ini terbukti dalam surat Sir Stamford Raffles yang bertarikh 4 November 1822 yang menekankan bahawa hubungan yang bermusuhan dalam kalangan orang Cina (berlainan tempat asal) perlu diberi perhatian dalam proses pembinaan kampung Cina.⁸⁰

⁷⁶ *Ibid.* Hlm. 75.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.* Hlm. 76.

⁷⁹ *Ibid.* Hlm. 76-77.

⁸⁰ *Ibid.* Hlm. 76.





Sementara itu, Qiu Ge Ping dalam *The Inquisition on the Social Constituent of the Secret Societies Organized by Chinese in Singapore and Malaysia* pula memberi fokus kepada penglibatan orang Cina dalam kegiatan kongsi gelap di Singapura dan Malaysia.⁸¹ Penulis menyatakan bahawa kongsi gelap di Singapura dan Malaysia sebenarnya merupakan cabang daripada kongsi gelap di Tanah Besar China yang bernama *Thian Di Hui* atau *Heaven-Earth League* (天地会).⁸² Victor Purcell juga menunjukkan bahawa kongsi gelap Cina di Negeri-Negeri Selat merupakan cabang daripada *Thian Di Hui (Heaven and Earth League)* atau dikenali sebagai *Hung League* atau *Traid Society*.⁸³ Qiu Ge Ping berpendapat bahawa orang Cina yang menganggotai kegiatan kongsi gelap di Singapura dan Malaysia adalah terdiri daripada golongan bawahan.⁸⁴ Peluang ekonomi di Singapura dan Malaysia memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan taraf sosioekonominya. Biasanya, mereka terlibat dalam aktiviti perlombongan, perladangan, perniagaan (penjaja) dan sebagainya.⁸⁵ Namun demikian, penulis juga menekankan bahawa terdapat juga golongan atasan yang terlibat dalam kegiatan kongsi gelap tetapi jumlah mereka adalah kecil. Golongan atasan lazimnya memegang jawatan penting dalam kongsi gelap Cina. Contohnya, Chin Ah Yam, iaitu pemimpin Ghee Hin di Kelian Baru merupakan seorang usahawan atau peniaga yang berjaya.⁸⁶ Selain daripada menjadi pemimpin kongsi gelap, golongan atasan juga berperanan sebagai pemimpin masyarakat yang diiktiraf oleh orang Cina dan pihak British.⁸⁷ Buktinya, Chin Ah Yam merupakan Kapitan Cina yang mendapat

⁸¹ Qiu Ge Ping. 2008. *The Inquisition on the Social Constituent of the Secret Societies Organized by Chinese in Singapore and Malaysia. Historical Archives*. 4.

⁸² *Ibid.* Hlm. 84.

⁸³ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...* Hlm. 5.

⁸⁴ Qiu Ge Ping. 2008. *The Inquisition on the Social...* Hlm. 85.

⁸⁵ *Ibid.* Hlm. 84.

⁸⁶ *Ibid.* Hlm. 86.

⁸⁷ *Ibid.* Hlm. 85.





pengiktirafan daripada kerajaan British di Taiping semasa Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani.⁸⁸

Kajian seperti *A History of Malaya A.D. 1400-1959*,⁸⁹ *Taiping: Ibukota Perak*,⁹⁰ *Larut Daerah Terkaya*,⁹¹ *Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement*⁹² dan *Sejarah Perak: Dahulu dan Sekarang*⁹³ memberi penjelasan secara mendalam mengenai Perang Larut. Hubungan permusuhan di antara kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San membawa kepada tercetusnya tiga siri perperangan di Larut, iaitu Perang Larut I (1861), Perang Larut II (1865) dan Perang Larut III (1872). Peperangan ini meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada masyarakat tempatan khususnya orang Cina kerana terdapat ramai orang Cina yang terkorban dalam perang tersebut. Perang Larut yang dicetuskan juga menyebabkan kegiatan ekonomi di kawasan tersebut

tergendala di samping memberi peluang kepada pihak British untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri Perak. Selain itu, Perang Larut yang berlangsung turut memperlihatkan hubungan yang rapat di antara kongsi gelap di Taiping dengan Pulau Pinang kerana kongsi gelap Pulau Pinang sentiasa menghulurkan bantuan kepada kongsi gelap di Taiping supaya kumpulan mereka mencapai kemenangan.

Selain itu, kajian seperti *Taiping: Ibukota Perak*,⁹⁴ *Larut Daerah Terkaya*,⁹⁵ *Taiping (Larut): The Early History of a Mining Settlement*,⁹⁶ *Sejarah Perak: Dahulu*

⁸⁸ Lee Eng Kew. 2003. *The Chinese Historical...* Hlm. 17.

⁸⁹ J. Kennedy. 1965. *A History of Malaya...*

⁹⁰ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*.

⁹¹ Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*.

⁹² Khoo Kay Kim. 1991. *Taiping (Larut): The Early History...*

⁹³ Abdullah Musa Lubis. 1976. *Sejarah Perak: Dahulu...*

⁹⁴ Khoo Kay Kim. 1981. *Taiping: Ibukota Perak*.

⁹⁵ Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*.

⁹⁶ Khoo Kay Kim. 1991. *Taiping (Larut): The Early History...*





*dan Sekarang,*⁹⁷ *A History of Malaya A.D. 1400-1959,*⁹⁸ *An Analysis of the Social Role of the Chinese Secret Society in Southeast Asia*⁹⁹ dan *The Inquisition on the Social Constituent of the Secret Societies Organized by Chinese in Singapore and Malaysia*¹⁰⁰ masing-masing memberi penekanan kepada penglibatan, peranan dan sumbangan lelaki Cina dalam bidang ekonomi dan kegiatan sosial di Taiping. Jelasnya, kajian yang dilakukan tidak memberi tumpuan kepada golongan wanita di negeri-negeri Melayu. Qing Yun Feng dan Gao Wei Nong juga berpendapat bahawa kajian mengenai golongan wanita Cina memang kurang diberi perhatian.¹⁰¹ Namun, masih terdapat beberapa kajian yang memberikan maklumat tentang wanita Cina di Tanah Melayu. Antaranya, Qing Yun Feng dan Gao Wei Nong dalam *Chinese Women Immigrants to Malaya in the 19th and 20th Centuries* yang memberi penjelasan mengenai golongan wanita Cina di Tanah Melayu yang terlibat dalam kegiatan pelacuran akibat ketidakseimbangan nisbah di antara golongan lelaki dan wanita.¹⁰² Penulis juga menyatakan bahawa jumlah orang Cina di Larut dan Hilar Perak pada tahun 1888 adalah seramai 64957 orang dan hanya 3480 orang adalah wanita.¹⁰³ Victor Purcell juga mengulas tentang perkara ini dalam ulasan beliau dan menyatakan bahawa nisbah di antara golongan wanita Cina dengan lelaki Cina pada tahun 1901 adalah 10:1000.¹⁰⁴ Oleh itu, golongan wanita Cina di Tanah Melayu masih dikenali sebagai golongan minoriti pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 walaupun orang Cina banyak dibawa masuk untuk proses pembukaan dan pembangunan di negeri-negeri Melayu.

⁹⁷ Abdullah Musa Lubis. 1976. *Sejarah Perak: Dahulu ...*

⁹⁸ J. Kennedy. 1965. *A History of Malaya...*

⁹⁹ Qiu Ge Ping. 2008. An Analysis of the Social...

¹⁰⁰ Qiu Ge Ping. 2003. The Inquisition on the Social...

¹⁰¹ Qing Yun Feng dan Gao Wei Nong. 1988. *Chinese Women Immigrants...* Hlm. 1.

¹⁰² *Ibid.* Hlm. 1-2.

¹⁰³ *Ibid.* Hlm. 3.

¹⁰⁴ Victor Purcell. 1956. *The Chinese in Modern...* Hlm. 15.





Maklumat berhubung identiti sosial dan budaya masyarakat Cina boleh diperolehi daripada kajian berhubung dengan seni budaya Cina. Kajian Zhao Xi Yang dalam *Malaysian Chinese Society and the Spread of Chinese Calligraphy in Malaysia* contohnya membincangkan penulisan kaligrafi sebagai simbol identiti orang Cina dan penyebaran penulisan ini dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia.¹⁰⁵ Perkembangan penulisan kaligrafi dalam kalangan masyarakat Cina menunjukkan bahawa masyarakat Cina yang berhijrah masih mengekalkan identiti mereka. Zhao Xi Yang memperlihatkan bahawa penganjuran pelbagai program kaligrafi Cina serta peranan Persatuan Kaligrafi, Persatuan Kebudayaan Cina dan penubuhan sekolah Cina telah menyumbang kepada perkembangan penulisan kaligrafi dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia.¹⁰⁶ Manakala Jiang Shan Shan dalam *In Modern Southeast Asia Overseas Chinese to the Inheritance of Traditional Folk Culture*¹⁰⁷ pula menghuraikan kamalan tradisi budaya masyarakat Cina yang berhijrah terutamanya dalam aspek penting kehidupan mereka seperti cara pemakaian, pemakanan, pengebumian, perkahwinan, hari perayaan dan sebagainya. Jelasnya, kedua-dua kajian tersebut memperlihatkan masyarakat Cina yang berhijrah keluar dari Tanah Besar China masih mengekalkan identiti mereka sebagai orang Cina.

Seterusnya, Yong Ming Choo dalam *Pelaksanaan Undang-Undang Kolonial bagi Mencegah Masalah Sosio-ekonomi Imigran Wanita Cina – 1925 hingga 1940* pula memberi fokus kepada kaum wanita Cina di Tanah Melayu secara amnya dan di Negeri-

¹⁰⁵ Zhao Xi Yang. 2012. Malaysian Chinese Society and the Spread of Chinese Calligraphy in Malaysia. *Inaugural Biennial Conference on Malaysian Chinese Studies*. Diperolehi daripada <http://www.cmcs.my/2012/paper/17.pdf> pada Oktober 10, 2016.

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ Jiang Shan Shan. 2006. In modern Southeast Asia Overseas Chinese to the Inheritance of Traditional Folk Culture. *天府新论*. 1. Hlm. 234-235.





Negeri Selat secara khususnya.¹⁰⁸ Penulis menyatakan bahawa masalah sosioekonomi kaum imigran membawa kepada pembentukan jawatankuasa yang dikenali sebagai *Chinese Protectorate*. Masalah melibatkan golongan wanita dan kanak-kanak seperti pelacuran dan *mui tsai* yang melibatkan kaum wanita Cina mendapat perhatian daripada kerajaan British.¹⁰⁹ Dalam usaha mencegah masalah tersebut, penulis menunjukkan bahawa kerajaan British telah meluluskan undang-undang seperti *Contagious Disease Ordinance*, *Female Domestic Servant Ordinance*, 1925, *Female Children Ordinance*, 1932, *Mui Tsai Ordinance*, 1933, *Women & Girls' Protection Ordinance*, 1931 (pindaan 1936) dan *Alien's Ordinance*, 1938 (dengan pindaan).¹¹⁰ Penulis turut menekankan bahawa polisi kerajaan British dalam usaha mencegah masalah pelacuran dapat dibahagikan kepada empat tahap, iaitu sebelum tahun 1900, tahun 1900 hingga 1927, tahun 1927 hingga 1930 dan selepas tahun 1930.¹¹¹ Sebelum tahun 1927, sikap



sebagai suatu perkhidmatan sosial yang amat diperlukan.¹¹² Penulis menunjukkan bahawa keadaan tersebut mula mengalami sedikit perubahan pada tahun 1927 hingga 1930 kerana rumah pelacur dibenarkan untuk beroperasi tetapi para pelacur dari luar negeri tidak dibenarkan masuk ke Tanah Melayu. Selepas tahun 1930, kerajaan British mula mengambil tindakan tegas dan bertindak keras dalam usaha mengawal pelacuran dengan meluluskan undang-undang seperti Ordinan Perlindungan Wanita dan Gadis pada tahun 1931 untuk mengharamkan pelacuran di Tanah Melayu.¹¹³ Penulis juga menyimpulkan bahawa sikap kerajaan British dalam usaha mencegah masalah wanita

¹⁰⁸ Yong Minh Choo. 1986. Pelaksanaan Undang-Undang Kolonial bagi Mencegah Masalah Sosio-ekonomi Imigran Wanita Cina – 1925 hingga 1940. Tesis Mini. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.

¹⁰⁹ *Ibid.* Hlm. 3.

¹¹⁰ *Ibid.* Hlm. 4.

¹¹¹ *Ibid.*

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ *Ibid.*





Cina adalah bersifat sederhana. Tekanan daripada masyarakat tempatan dan pengaruh luar seperti persidangan yang dianjurkan oleh Liga Bangsa-Bangsa mendorong kerajaan British mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah wanita tersebut.¹¹⁴ Jelasnya, kajian Yong Ming Choo adalah lebih fokus kepada perkembangan sosioekonomi wanita Cina di Tanah Melayu secara umumnya pada tahun 1925 hingga 1940.

Khoo Sew Khing dalam *Sejarah Orang-Orang Cina di Kelantan 1900-1940* memberi penekanan kepada masyarakat Cina di Kelantan.¹¹⁵ Penulis menunjukkan bahawa kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu berlaku sejak abad ke-15 lagi tetapi dalam kuantiti yang kecil. Keadaan tersebut mengalami perubahan pada penghujung abad ke-18, abad ke-19 dan awal abad ke-20, iaitu pada zaman pemerintahan British di

Tanah Melayu kerana orang Cina dibawa masuk dalam jumlah yang besar.¹¹⁶ Penulis

juga menyatakan bahawa orang Cina yang datang ke Kelantan adalah dari Patani dan Tanah Besar China. Orang Cina yang dibawa masuk melibatkan diri dalam industri perlombongan emas seperti di Pulai, Ulu Kelantan dan perusahaan getah.¹¹⁷ Peningkatan harga getah pada awal abad ke-20 dan permintaan getah yang tinggi menyebabkan orang Cina di negeri tersebut melibatkan diri secara aktif dalam bidang ekonomi tersebut. Kemakmuran industri perusahaan getah tidak berkekalan kerana mengalami krisis ekonomi. Ekoran itu, orang Cina di Kelantan mula memberi perhatian

¹¹⁴ *Ibid.* Hlm. 31.

¹¹⁵ Khoo Sew Khing. 1987. *Sejarah Orang-Orang Cina di Kelantan 1900-1940*. Tesis Ijzah Sarjana Muda. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹¹⁶ *Ibid.* Hlm. 139.

¹¹⁷ *Ibid.* Hlm. 140.





kepada kegiatan ekonomi yang lain seperti aktiviti penanaman kelapa, pembalakan, perusahaan, perniagaan.¹¹⁸

Sementara itu, kajian Jayakumary Marimuthu yang bertajuk *Zaman Darurat, 1948-1960: Kajian Keadaan Sosioekonomi di Sungai Siput (U)* memberi penjelasan mengenai perkembangan taraf sosioekonomi masyarakat di Sungai Siput pada zaman darurat.¹¹⁹ Penulis menekankan bahawa ancaman serangan komunis dan dasar kerajaan British sepanjang zaman darurat mempengaruhi taraf sosioekonomi masyarakat tempatan¹²⁰ khususnya orang Cina kerana mereka merupakan penduduk yang mendominasi kawasan tersebut.¹²¹ Penulis juga menyatakan bahawa ekonomi dilihat oleh pihak komunis sebagai jalan pintas untuk menjatuhkan British dalam jangka masa pendek. Oleh itu, serangan ke atas estet getah sering dilancarkan¹²² kerana 90% daripada estet getah di kawasan tersebut mili pelabur Eropah.¹²³ Keadaan sedemikian

menyebabkan hasil pengeluaran getah menurun dan pendapatan pekerja estet terjejas.¹²⁴ Sementara itu, perlombongan bijih timah jarang diserang¹²⁵ kerana kebanyakan tapak perlombongan di Sungai Siput (U) adalah dimiliki oleh orang Cina.¹²⁶ Sepanjang zaman darurat, hanya terdapat beberapa buah tapak perlombongan diserang.¹²⁷ Selain itu, kajian tersebut juga menjelaskan bahawa zaman darurat menyaksikan hubungan yang tegang antara orang Melayu dan orang Cina kerana

¹¹⁸ *Ibid.* Hlm. 141.

¹¹⁹ Jayakumary Marimuthu. 2012. *Zaman Darurat, 1948-1960: Kajian Keadaan Sosioekonomi di Sungai Siput (U).* *Malaysia Dari Segi Sejarah.* 40.

¹²⁰ *Ibid.* Hlm. 130.

¹²¹ *Ibid.* Hlm. 121.

¹²² *Ibid.* Hlm. 143.

¹²³ *Ibid.* Hlm. 131.

¹²⁴ *Ibid.* Hlm. 144.

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ *Ibid.* Hlm. 133.

¹²⁷ *Ibid.* Hlm. 144.





kebanyakan orang Cina merupakan penyokong komunis sehingga masyarakat tersebut disinonimkan sebagai komunis.¹²⁸ Kejadian tersebut pastinya memberi kesan kepada taraf sosioekonomi masyarakat Cina di Sungai Siput (U) sepanjang zaman darurat.

Jelasnya, kajian mengenai kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Taiping khususnya pada tahun 1900 hingga 1937 masih belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Justeru, kajian ini akan mendalam bagaimana kemerosotan Taiping memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina di bandar tersebut.

1.8 Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dan bahan berkaitan untuk menyempurnakan kajian ini diperoleh melalui sumber pertama dan sumber kedua. Rujukan mengenai kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Taiping yang terdiri daripada sumber pertama seperti laporan kerajaan British, akhbar, *official memorandum* dan sebagainya diperolehi daripada Perpusatakan Muzium Taiping, Perak, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Seterusnya, sumber kedua seperti buku, jurnal, dan tesis yang boleh diperolehi daripada Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Muzium Perak, Taiping dan secara atas talian juga digunakan untuk menyempurnakan kajian ini.

¹²⁸ *Ibid.* Hlm. 145.





1.9 Pembahagian bab

Bab Satu

Bab satu merupakan pengenalan kepada kajian ini. Ia merangkumi objektif kajian, permasalahan kajian serta metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini.

Bab Dua

Dalam bab kedua, penyelidik membincangkan latar belakang sosial masyarakat Cina di Taiping, Perak pada tahun 1900 hingga 1937. Penyelidik juga memberi gambaran umum mengenai latar belakang ekonomi dan masyarakat Cina di Perak, latar belakang masyarakat Cina di Larut dan latar belakang masyarakat Cina di Taiping. Aspek sosial yang lain seperti sistem pendidikan, kebudayaan, keagamaan dan perkahwinan orang Cina turut dikupas dalam bab ini. Hubungan di antara orang Cina di Taiping dengan Tanah Besar China juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab Tiga

Bab ketiga adalah berkaitan dengan penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Taiping pada tahun 1900 hingga 1937.





Bab Empat

Bab yang keempat menceritakan penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti perniagaan di Taiping sepanjang tempoh 1900 hingga 1937.

Bab Lima

Bab kelima membincangkan penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perkhidmatan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka sepanjang tempoh kemerosotan Taiping.

Bab Enam



Bab yang keenam merupakan bab kesimpulan. Penyelidik menyimpulkan dapatan kajian mengenai bagaimana kemerosotan ekonomi di Taiping memberi kesan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina pada tahun 1900 hingga 1937.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi masyarakat Cina sepanjang tempoh zaman kemerosotan Taiping, iaitu pada tahun 1900 hingga 1937. Aspek utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah latar belakang sosial masyarakat Cina di Taiping serta penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
30

perlombongan, perniagaan, pertanian, perikanan, penternakan dan perkhidmatan kerajaan dalam usaha menjaga kepentingan ekonomi mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi